

KENYATAAN MEDIA
SWM ENVIRONMENT BERSIAP HADAPI MUSIM BANJIR

JOHOR BAHRU, 14 OKTOBER – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah menyusun Pelan Operasi Musim Banjir sebagai usaha melengkapi persediaan Kerajaan Negeri Johor menghadapi Monsun Timur Laut yang dijangka bermula pada bulan November sehingga Mac tahun hadapan.

Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, pihak SWM Environment akan memastikan perkhidmatan pembersihan longkang di seluruh 15 kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dilaksanakan mengikut ketetapan jadual seiring dengan usaha pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Ops Longkang dalam memastikan saluran longkang tidak tersumbat hingga menjadi punca berlakunya banjir.

Menurut beliau, pihak SWM Environment akan sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak Kerajaan Negeri Johor, PBT dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dalam melaksanakan gerak kerja operasi musim banjir terutama di lokasi berisiko tinggi menghadapi banjir. Malah, pihak SWM Environment melalui 15 cawangan operasi bersedia dengan pasukan bertindak untuk bersama-sama pihak berkuasa memberi bantuan awal di lokasi tumpuan tersebut.

Jelas beliau lagi, kerjasama rapat tersebut turut merangkumi persediaan membantu mangsa banjir yang berlindung di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) menerusi operasi kutipan sisa pepejal dan penempatan tong sampah mengikut keperluan di setiap PPS. Manakala, kenderaan berjentera seperti lori jentera penyembur air (*water-jet*), *ultra-whack*, lori *Roll-On Roll-Off* (RORO) dan jentolak (*backhoe*) pula bersedia untuk dilibatkan dalam Operasi Pembersihan Pasca Banjir berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa.

Tambah beliau, penduduk di lokasi berisiko tinggi banjir diingatkan untuk memastikan tong sampah beroda (TSB) mereka ditempatkan di dalam kediaman masing-masing bagi mengelakkan TSB hanyut dibawa arus banjir. Bagi situasi kehilangan TSB akibat dihanyutkan arus banjir pula, penggantian TSB baharu boleh dikemukakan dengan melampirkan bersama salinan laporan polis.

Sementara itu, SWM Environment melalui entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWM Kasih dengan kerjasama Pusat Khidmat ADUN Machap tampil meringankan beban sekitar 100 orang mangsa banjir dari Kampung Tengah Renggam, Kampung Paya Baru dan Taman Layang-Layang yang berlindung di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di SK Seri Kampung Renggam dan SJK (C) Layang-Layang melalui Sumbangan Bantuan Banjir berbentuk kotak makanan.

Pihak SWM Environment turut menyumbangkan sebanyak 10 unit mesin pembersihan berkuasa tinggi bagi menjayakan inisiatif gotong-royong pembersihan pasca banjir di kawasan terjejas oleh Pusat Khidmat ADUN Machap bersama para sukarelawan yang terlibat nanti.

TAMAT

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor Selatan)

(Tel) 07 - 335 6000 / 016 – 783 6759

(Faks) 07 - 335 6005

(E-mel) livingwater.ponnusamy@swmsb.com